

24/12/1998

MTEN sangkal laporan Malaysia akan muflis

DANA yang diperlukan Malaysia bagi membiayai pemulihan ekonominya dianggar RM68 bilion dan bukan RM98 bilion seperti didakwa dalam sebuah rencana yang disiarkan International Herald Tribune keluaran 15 Disember.

Ahli Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Dr Zainal Aznam Yusof, berkata jumlah yang dinyatakan David Roche dalam rencana 'Dasar Ekonomi Mahathir Boleh Membawa Kejatuhannya' adalah keterlaluan.

Menurut Dr Zainal, keperluan itu akan dibiayai menerusi dana dalaman dan luar negara dengan sebahagian besarnya dipenuhi menerusi pakej bantuan Jepun yang diumumkan baru-baru ini dan daripada Inisiatif Miyazawa.

"Mencetak wang tidak langsung menjadi pilihan," katanya dalam kenyataan yang difaks kepada media, di Kuala Lumpur, semalam.

Dalam artikel itu, Roche memaparkan cerita ekonomi yang muram mengenai Malaysia.

Inti pati tulisannya membayangkan dasar kawalan modal Malaysia adalah malapetaka kerana taraf hidup rakyat negara ini akan menjunam dan membawa kekacauan sosial yang memaksa Dr Mahathir berundur.

Roche ialah Pengarah Urusan Independent Strategy Ltd, perunding penyelidikan pelaburan global berpangkalan di London.

Menurut Dr Zainal, berita yang ditulis Roche hanya secara umum dan mengambil mudah tidak dapat dipertahankan kerana ia tidak munasabah, dibebani pesimisme keterlaluan dan didukung fakta salah serta tidak tepat.

Katanya, unjuran ekonomi yang suram memang diakui secara rasmi. 1998 adalah tahun getir dan isunya ialah bagaimana kesan pada masa depan.

Penguncupan bagi suku ketiga tahun ini iaitu 8.6 peratus mungkin had paling bawah tetapi perlu dilihat sama ada suku tahun keempat menunjukkan sebarang pertumbuhan.

"1999 akan menjadi tahun penting. Dalam Belanjawan 1999 pertumbuhan satu peratus diunjurkan manakala pemulihan dijangka dalam separuh kedua tahun depan manakala tahun 2000 diramal lebih baik.

"Roche tidak membuat sebarang unjuran bagi 1999 tetapi berkemungkinan berdasarkan ramalannya semata-mata beliau berfikir tahun depan ekonomi akan ranap.

"Beliau tidak memberi bukti terperinci untuk menyokong tanggapannya," katanya.

Menurut Dr Zainal, Roche juga memberi fakta salah kerana Malaysia tidak mengalami defisit akaun semasa pada 1998, sebaliknya lebih akaun semasa RM20 bilion diunjurkan tahun ini dan dengan peningkatan pada 1999, lebih RM11 bilion dijangkakan.

Dengan lebih perdagangan RM38.7 bilion pada suku ketiga 1998, unjuran bagi tahun ini sudah dicapai dan lebih akaun semasa akan menjadi lebih baik.

Dalam artikelnya, Roche juga menyatakan pinjaman tidak berbayar (NPL) mencapai 40 peratus daripada jumlah pinjaman dan kerajaan memerlukan RM56 bilion atau 22 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) untuk memulihkan sektor perbankan.

"Jangkaan ini jauh daripada kebenaran," kata Dr Zainal.

Menurutnya, NPL sistem perbankan mengikut asas enam bulan, jatuh daripada 8.9 peratus pada akhir Jun kepada 8.1 peratus pada akhir September tetapi mengikut asas tiga bulan hanya meningkat kepada 12.8 peratus iaitu kira-kira satu pertiga daripada anggaran Roche.

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia juga meningkat kepada AS\$23.6

bilion pada pertengahan November, memadai untuk menampung 4.5 bulan import tertangguh.

Dr Zainal juga menjelaskan kedudukan sebenar iaitu Gabenor Bank Negara, Tan Sri Ahmad Mohd Don meletak jawatan dan bukan dipecat seperti didakwa Roche.

Menurut Dr Zainal, dalam usaha memberikan gambaran paling muram Roche gagal memberikan butiran terperinci dan melaporkan kemajuan langkah menyusun semula serta perubahan dalam perbankan menerusi Danaharta, Danamodal dan Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang (CDRC) yang terkandung dalam Rancangan Pemulihan Ekonomi Nasional.

Semua langkah itu menunjukkan kemajuan dengan ruang bernafas diberikan oleh kawalan tukaran asing yang dilaksanakan.

Begitupun, katanya, beberapa perubahan bagi menghalusi kawalan tukaran asing memang dijangkakan untuk memulihkan keyakinan pelabur.

Walaupun taraf hidup memang terjejas, jalinan sosial di Malaysia masih kukuh dan akan sedemikian. Semua ramalan Roche iaitu malapetaka melanda Malaysia adalah terlalu awal.

(END)